



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	24/4/2011



DR MAHATHIR menandatangani memoir beliau pada Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur, di PWTC, semalam.

Perpustakaan orang kaya

Dr Mahathir ajak derma buku

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyarankan golongan berkecukupan di Malaysia mewujudkan perpustakaan di kediaman mereka dan mengisinya dengan buku atau karya berharga.

Dr Mahathir yang dipetik *BERNAMA* berkata, amalan itu menyamai tindakan di negara Barat seperti Amerika Syarikat yang mana golongan kaya mewujudkan perpustakaan dipenuhi pelbagai jenis buku lama yang didermakan selepas meninggal dunia.

"Sepatunya orang kaya di Malaysia ini membina perpustakaan mengandungi buku yang berharga. Apabila mereka meninggal dunia, bolehlah

sumbangkan buku kepada perpustakaan untuk orang ramai," katanya kepada pemberita ketika menghadiri Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2011 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Dr Mahathir turut meluangkan masa menandatangani memoir beliau, *A Doctor in the House* yang dibeli pengunjung pada hari pertama pesta tahunan itu.

Sementara itu, Kedai Pink Ain Maisarah yang diusahakan novelis muda, Ain Maisarah Daliman, 29, mendapat sambutan peminat yang berkunjung ke pesta buku itu.

Berkonsep ceria dengan warna merah jambu, pengunjung, terutama peminat karya Ain Maisarah bukan saja dapat membeli novel yang dihasilkan, malah berpeluang bertemu dan mendapatkan tandatangan Ain Maisarah.

Turut dipamerkan ialah beberapa novel terbaru Ain Maisarah, termasuk dua penulis baru di bawah label Ain Maisarah, Blink Book Sdn Bhd. Ain Maisarah adalah novelis undangan *Berita Harian* dengan karyanya, *Jutawan Gedik* disiarkan dalam sisipan Sabtu, akhbar ini, sejak Januari lalu.

"Sepatunya orang kaya di Malaysia ini membina perpustakaan mengandungi buku yang berharga"

Dr Mahathir
Mohamad
Bekas Perdana Menteri